

**Terima
rasuah:
Dua anggota
polis
didakwa**

ALOR SETAR: Seorang anggota polis berpangkat kopersal mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini terhadap empat pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM900 yang didakwa dilakukannya kira-kira lapan tahun lalu.

Tertuduh, Faudzi Mat Desa, 58, membuat pengakuan tersebut sebaik sahaja kesemua pertuduhan itu dibacakan terhadapnya oleh jurubahasa di depan Hakim Juraidah Abbas.

Bagi pertuduhan pertama, ketiga dan keempat, tertuduh yang bertugas di Balai Polis Mahang, di Kulim, dekat sini didakwa menerima rasuah berjumlah RM250 untuk setiap pertuduhan, manakala untuk pertuduhan kedua, dia didakwa memperoleh rasuah bernilai RM150.

Kesalahan itu didakwa dilakukan pada 15 April, 12 Mei, 8 Jun dan 11 Mac 2016 kira-kira pukul 7.15 petang, 5.36 petang, 9.35 malam serta 12.51 tengah hari.

Untuk pertuduhan pertama, kedua dan ketiga, kesalahan itu didakwa dilakukan di Kedai Makan Serk Heang, Mahang manakala pertuduhan keempat, kesalahan dilakukan di sebuah warung makan tidak bernombor di persimpangan jalan menghala Ulu Mahang.

Selain empat pertuduhan tersebut, Faudzi turut berdepan satu lagi pertuduhan bersama bekas Ketua Balai Polis Mahang, Sarjan Mejar Ahmad Ibrahim, 62.

Kedua-dua mereka didakwa dengan niat bersama menerima rasuah berjumlah RM550 di sebuah restoran dekat Taman Mutiara, Sungai Kob dalam daerah Kulim kira-kira pukul 8.43 malam pada 1 Julai 2016.

Ahmad yang kini sudah bersara turut berdepan satu lagi pertuduhan menerima suapan berjumlah RM300.

Kesemua wang suapan tersebut didakwa diterima daripada seorang lelaki sebagai dorongan tidak mengeluarkan saman terhadap lori-lori milik seorang individu lain.